



Sekretariat :

33D-3-1 Villa Puteri Condominium, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur

www.ppim.org.my / www.kater.my

Hotline PPIM : 0193591000

Untuk Perhatian : Editor Berita

27 Disember 2016

Jemputan Untuk Membuat Liputan Media

WEDDING PLANNER LARI KENDURI HANCUR

Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menerima banyak aduan berkaitan Perancang Perkahwinan (*Wedding Planner*) dan juga katerer yang dikatakan gagal menyediakan perkhidmatan yang memuaskan termasuklah kelewatan, makanan tidak cukup, makanan basi, pakej tidak ditunaikan sepenuhnya dan banyak lagi. Pengguna juga tidak dapat membuat sebarang tuntutan di atas kelemahan atau kerugian yang ditanggung. Katerer juga ada yang mengadu tidak menerima bayaran dan cek yang diterima tidak laku.

Sehubungan dengan itu, Koperasi Kerjasama Katerer Berhad (KATER) bersama PPIM telah mengambil inisiatif untuk menangani masalah ini dengan menubuhkan pangkalan data dan juga kerjasama bagi mengelak sesiapa sahaja diambil kesempatan oleh mana-mana pihak dan menyusun kembali industri ini demi kebajikan dan kepentingan semua.

Sehubungan dengan itu, satu sidang media akan diadakan pada :

Tarikh : 28 Disember 2016 (Rabu)

Masa : 10.30 pagi

Tempat : Our Private Place @ Sembang Sembang Cafe,
Tingkat 3, Villa Puteri Condominium,
Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur

Sebarang pertanyaan, hubungi sekretariat di 0136116666 atau 0199130000. Terima kasih.[END]